

<p>Kata sifat yang khusus dengan wanita akan ada ة marbuthah di akhirnya, jika sesuatu sifat yang khusus dengan wanita itu sedang ada padanya. Jika sifat itu hanya boleh ada saja padanya kerana ia seorang wanita, tetapi belum lagi ada, maka pada ketika itu ة marbuthah dibuang dari akhirnya.</p>	<p>الأَوْصَافُ الْمُخْتَصَّةُ بِالْإِنَاثِ إِنْ أُريدَ بِهَا الْفِعْلُ لِحَقِّهَا "النَّاءُ" وَإِنْ أُريدَ بِهَا الْقُوَّةُ، جُرِّدَتْ مِنَ "النَّاءِ".</p>	<p>قاعدة 38</p>
---	---	-----------------

Contoh aplikasi qaedah ini dapat anda lihat pada firman Allah berikut:

يَوْمَ تَرَوْنَهَا تَذْهَلُ كُلُّ مُرْضِعَةٍ عَمَّا أَرْضَعَتْ وَتَضَعُ كُلُّ ذَاتِ حَمْلٍ حَمْلَهَا وَتَرَى النَّاسَ سُكَرَىٰ وَمَا هُمْ بِسُكَرَىٰ وَلَٰكِنَّ
عَذَابَ اللَّهِ شَدِيدٌ ①

Bermaksud: Pada hari itu semua ibu yang menyusukan lupa akan anak yang disusukannya dan semua perempuan yang hamil keguguran. Dan kamu lihat manusia dalam keadaan mabuk, padahal mereka sebenarnya tidak mabuk, akan tetapi azab Allah itu amatlah berat. (al-Hajj:2).

Maksud ibu yang menyusukan di dalam firman Allah ini ialah ibu yang sedang menyusukan anak yang masih menyusu dengannya.